

Kedutaan sudah selamatkan 46 rakyat Malaysia di Kemboja

Bangkok: Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh setakat ini sudah menyelamatkan 46 rakyat Malaysia di Kemboja selepas dipercayai ditipu dengan sindiket tawaran pekerjaan lumayan di luar negara.

Duta Besar Malaysia ke Kemboja, Eldeen Husaini Mohd Hashim, berkata sehingga kini, terdapat lebih 60 kes sama yang didakwa menjadi mangsa penipuan pekerjaan masih menanti tindakan lanjut.

“Kami bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa Kemboja dalam memudahkan urusan mereka pulang ke tanah air,” katanya kepada **BERNAMA**.

Pada 2018, kedutaan mempermudah urusan 47 rakyat Malaysia yang berdepan situasi sama, sementara tiada kes dilaporkan pada 2020 dan tahun lalu, berikutan penutupan sempadan susulan pandemik COVID-19.

Kes terbaru yang dilaporkan membabitkan empat rakyat Ma-

Rakyat Malaysia dikurung sindiket scam di Kemboja

Mangsa dipakati, dikurung dengan berjuta-elektrek jika cuba lari



Keratan akhbar BH 13 April lalu.

aysia yang didakwa ditipu oleh sindiket yang menawarkan pekerjaan bergaji tinggi di Kemboja.

Mangsa yang juga empat lelaki berusia antara 29 hingga 41 tahun itu bagaimanapun, berjaya pulang ke tanah air dan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), kelmarin.

Modus operandi sindiket berkenaan adalah menawarkan mangsa pekerjaan dengan gaji tinggi di luar negara melalui laman sosial seperti Facebook.

Bagaimanapun, apabila mere-



Empat warganegara Malaysia selamat tiba dari Kemboja di KLIA, Sepang, kelmarin.

(Foto BERNAMA)

ka tiba di negara itu, mereka dipaksa untuk membuat panggilan telefon kepada individu yang bakal dijadikan mangsa penipuan di seluruh dunia.

Mereka yang menyedari tindakannya itu satu penipuan, bagaimanapun tidak dibenarkan pulang ke Malaysia dan keluarga mereka juga perlu membayar wang tebusan bagi tujuan membebaskannya.

Sementara itu, Eldeen mengesahkan rakyat Malaysia supaya berwaspada dengan iklan pengambilalihan pekerjaan yang menjanjikan gaji lumayan di luar negara.

“Rujuk pihak berkuasa berkaitan, termasuk pihak kedutaan bagi mengesahkan tawaran kerja

terbabit. Sila maklumkan kepada ibu bapa dan saudara-mara di Malaysia jika menerima sebarang tawaran sedemikian.

“Mereka mungkin memberi kamu pilihan lain yang berharga dengan tawaran kerja itu juga satu penipuan,” katanya.

Eldeen turut merakamkan penghargaan kepada pihak berkuasa Kemboja dan kerjasama erat yang diberikan untuk membantu rakyat Malaysia yang menjadi mangsa penipuan pekerjaan di negara itu.

Beliau berkata, siasatan awal mendapati ramai rakyat Malaysia masih terkandas di negara itu selepas ditipu oleh sindiket pekerjaan.

“Kami bekerjasama rapat de-

ngan pihak berkuasa berkaitan untuk membantu membawa mereka pulang.

“Bagaimanapun, proses pengendalian setiap kes berbeza dan mengambil masa,” katanya.

Sebagai contoh, beliau berkata pihak berkuasa akan mengambil masa untuk mengesahkan identiti mangsa kerana kebanyakan mereka memasuki negara itu secara haram dan tanpa dokumen perjalanan sah.

“Bagi mereka yang melanggar undang-undang (kesalahan imigrasi), mereka akan didakwa dan mungkin perlu menjalani hukuman penjara di sini sebelum mereka boleh pulang ke rumah,” katanya.

BERNAMA